

Sasar

kenderaan sapu, van haram

patkan di pintu sempadan di Bukit Kayu Hitam 'ditumbangkan' pihak tidak bertanggungjawab, dipercayai pemilik kenderaan sapu dari Thailand yang tidak berpuas hati dengan penguatkuasaan dilakukan.

Diancam pemilik kenderaan sapu

"Bukan itu sahaja, kami juga dimaklumkan mengenai khabar angin bahawa pegawai JPJ berkunjung ke negara jiran akan diancam pemilik kenderaan sapu di negara itu, namun ia tidak mematahkan semangat kami untuk terus melaksanakan tugas membanteras van pelancong haram.

"Tidak dinafikan, JPJ di Kedah mempunyai cabaran tersendiri disebabkan kedudukan negeri ini yang bersempadan dengan Thailand. Saya gunakan pengalaman sepanjang berkhidmat di Johor selama dua tahun sebelum ini sebagai garis panduan," katanya.

Sebelum ini, Mohd Fahdil berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguat Kuasa JPJ Johor dan pastinya ugutan serta ancaman turut diterima.

Ketika di Johor, beliau diancam pemandu lori treler dalam sekatan dijalankan di Stulang Laut. Kumpulan itu mengadakan mogok dengan menghalang lalu lintas sehingga menyebabkan pihaknya terpaksa mendapatkan bantuan polis.

Mengenai operasi di Bukit Kayu Hitam, Mohd Fahdil berkata, pihaknya berjaya 'menumbangkan' 154 van pelancong haram Thailand yang dikesan menyalahgunakan Permit Peredaran Antarabangsa (ICP) dalam tempoh tiga bulan pertama ia dikuatkuasakan.

Jumlah kesalahan membabitkan van pelancong haram Thailand itu adalah sebahagian daripada keseluruhan 264 kenderaan dari Thailand yang ditahan membabitkan pelbagai kesalahan, termasuk tiada ICP dengan 84 kes.

Sasar lokasi transit

Selain operasi dijalankan setiap hari bermula pada jam 9 pagi hingga 7 malam, JPJ juga menjalankan rondaan di beberapa lokasi popular yang dikesan menjadi lokasi transit penumpang van haram.

Mohd Fahdil gemar turun ke padang dan setiap kali berbuat demikian untuk mengikuti operasi dijalankan, beliau pastinya tidak terlepas menyaksikan pelbagai adegan drama

» Pengarah JPJ Kedah galas cabaran besar, hadapi ugutan, ancaman

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Diugut dan diancam bukan lagi perkara baharu, malah dianggap sebagai lumrah yang harus dilalui bagi mereka yang bertugas dalam bidang penguatkuasaan.

Tidak terkecuali, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kedah, Mohd Fahdil Hassan, yang turut melalui pengalaman sama, sepanjang tempoh 10 tahun berkhidmat dalam jabatan berkenaan.

Sebaik diberi mandat menegerai JPJ Kedah pada Februari lalu, anak kelahiran Kelantan ini sudah 'disapa' cabaran terutama ketika diminta menguruskan kerenah pemilik kenderaan sapu dari negara jiran.

Berkongsi kisah, Mohd Fahdil berkata, ketika mengendalikan operasi khas terhadap kenderaan Thailand yang dikuatkuasakan pada 24 April lalu, khemah milik JPJ yang ditem-

BIODATA

Mohd Fahdil Hassan

- ◎ **Tarikh Lahir:** 5 Disember 1974
- ◎ **Usia:** 40 tahun
- ◎ **Tahap pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sastera dari Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ◎ **Status:** Berkahwin
- ◎ **Anak:** Tiga
- ◎ **Anugerah:** Bintang Cemerlang Melaka (BKM) dan Bintang Khidmat Terpuji (BKT)
- ◎ **Pengalaman:**
 - Bahagian Pengurusan di Ibu Pejabat JPJ (2003-2006)
 - Penolong Pengarah Bahagian Pelesenan JPJ Selangor (2006-2008)
 - Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JPJ Johor (2008-2010)
 - Pengarah JPJ Melaka (2010-2013)
 - Pengarah JPJ Kedah (terkini)



Mohd Fahdil ketika ditemu bual mengenai keselamatan jalan raya di sebuah stesen radio tempatan.



“**Tidak dinafikan JPJ di Kedah mempunyai cabaran tersendiri disebabkan kedudukan negeri ini yang bersempadan dengan Thailand.**

Saya gunakan pengalaman sepanjang berkhidmat di Johor selama dua tahun sebelum ini sebagai garis panduan”

Mohd Fadhil Hassan,
Pegawai JPJ Kedah

Mohd Fadhil (dua dari kiri) memeriksa lesen penunggang motosikal ketika mengadakan sekatan jalan raya bersama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) di Sungai Petani.

[FOTO DANIAL NOORDIN / BH]

‘dilakukan’ pengguna jalan raya semata-mata untuk melepaskan diri.

“Selain adegan tangisan, cacian juga kami terima daripada mereka yang tidak berpuas hati apabila dikenakan kompaun. Bagaimanapun jangan fikir JPJ tidak mempunyai budi bicara, jika kesalahan yang dibuat itu membabitkan kesalahan kecil, kita boleh berunding dan menggunakan budi bicara, asalkan pengguna jalan raya itu tidak mengulanginya,” katanya.

Lebih empat bulan diberi mandat ‘memegang’ Kedah, fokus utamanya kini tentunya untuk membanteras terus van pelancong haram dari Thailand kerana ia menjejaskan pendapatan pihak yang mengendalikan industri sama di sini.

Jejas imej Langkawi

Mohd Fadhil juga memandang berat isu kenderaan sapu yang dikesan berleluasa di Langkawi kerana ia dibimbangi memburukkan imej pulau pelancongan itu.

Sehingga kini, Mohd Fadhil berkata, sebanyak 532 kes membabitkan kesalahan penggunaan kenderaan sapu di Langkawi yang dibawa ke mahkamah dalam tempoh enam tahun sejak tahun 2009 hingga tahun 2014.

Beliau berkata, membasmi kegiatan kenderaan sapu di Langkawi mempunyai cabaran tersendiri apabila pegawai JPJ bertugas terpaksa menyamar sendiri sebagai penyewa kereta dalam menubuhkan kegiatan itu.

“Bagi membawa kes ini ke mahkamah, kebiasaannya ia membabitkan penyewa itu yang harus bertindak sebagai saksi. Kebiasaannya penyewa ini bagaimanapun tidak mahu memberikan kerjasama menyebabkan kami sukar membanteras masalah ini.

“Beberapa tahun lalu, pejabat kami di Langkawi pernah ‘diserang’ sekumpulan pemilik kenderaan sapu berikutan tidak berpuas hati dengan tindakan JPJ dalam membanteras kes ini,” katanya.

